



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
21 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NAFAS LAKSANA PROJEK RINTIS PEMBANGUNAN ESTET PADI, BH -ONLINE	PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS)
2.	PERTANIAN PINTAR, AEROANGKASA SUNTIK DINAMISME BAHARU BINA EKONOMI, NASIONAL, BH -3	LAIN-LAIN
3.	RM1.1 BILION NILAI HASIL TERNAKAN PULAU PINANG:EXCO, SH -ONLINE	
4.	PANTAI KEKABU STILL PAGUED BY JELLYFISH	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

NAFAS laksana projek rintis pembangunan estet padi



ALOR SETAR: Kedah bakal menjadi perintis dalam pembangunan estet tanaman padi yang akan dikelolakan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarahnya, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata pelaburan itu akan diuruskan sepenuhnya oleh NAFAS.

"Kita akan buat betul-betul cara estet, dan pelaburan NAFAS ini adalah mengikut standard estet yang diurus sepenuhnya, lengkap dengan jadual dan pasukan pekerja.

"NAFAS akan melaksanakan pertanian pintar dan kita akan lihat daripada semua aspek termasuklah kesuburan tanah

dan teknik pembajaan bagi meningkatkan hasil padi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Taklimat Penggunaan Teknologi Mikrob Dalam Sektor Pertanian Khusus Bagi Tanaman Padi, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata, kaedah pertanian pintar itu akan dilaksanakan semasa musim kedua penanaman padi tahun 2020 antara Ogos sehingga Oktober depan.

"Kita baru saja kenalpasti tanah bagi projek ini dan kalau diikutkan, kita mahu keluasan tanah sekurang-kurangnya 1,000 hektar, namun 300 sehingga 400 hektar juga boleh sebagai permulaan.

"Insya Allah, ia boleh dimulakan semasa musim kedua penanaman padi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya akan melaksanakan kempen supaya petani bersedia untuk melakukan anjakan dalam mengusahakan sawah.

"Petani perlu melakukan perubahan dan tidak bergantung kepada subsidi kerajaan semata-mata," katanya.

Pertanian pintar, aeroangkasa suntik dinamisme baharu bina ekonomi

Kuala Lumpur: Bidang pertanian pintar, aeroangkasa dan ekonomi digital berperanan besar dalam menyuntik dinamisme baharu ke arah membina ekonomi berpendapatan tinggi. Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sektor berkenaan turut mampu mencipta peluang pekerjaan yang lebih luas dan menyediakan taraf hidup yang lebih baik bagi setiap rakyat seterusnya mendepani cabaran era Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0).

“Seramai 21 pakar industri daripada bidang pertanian pintar, aeroangkasa dan ekonomi

digital mengutarakan input untuk diberi perhatian segera oleh pihak kerajaan dalam usaha meneroka dan menggembilng potensi ekonomi yang besar dalam ketiga-tiga bidang ini,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mohamed Azmin turut menegaskan sesi libat urus dengan pakar industri yang menjadi penggerak utama dalam sektor masing-masing adalah amat penting.

Beliau semalam mempengerusikan sesi libat urus bersama pakar industri berkenaan bagi membincangkan dengan mendalam keperluan dan ke-

utamaan yang perlu diberi perhatian dalam penggubalan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang sedang rancang dijalankan.

Katanya, usaha ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan pandangan semua pihak diambil kira dan perincian menyeluruh dilaksanakan dalam menentukan hala tuju pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

RMKe-12 yang dijangka dibentangkan pada Ogos ini di Dewan Rakyat adalah fasa pertama bagi pelaksanaan Wawasan Ke-makmuran Bersama 2030 (WKMB 2030).

Penyediaan RMKe-12 akan berasaskan kepada tiga objektif WKMB 2030 iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan mendapatkan serta negara bersatu, makmur dan bermaruah.

Sesi libat urus semalam turut dihadiri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Radzi Jidin; Pengerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien, pegawai kanan kementerian dan pasukan penggubal RMKe-12.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM1.1 bilion nilai hasil ternakan Pulau Pinang: Exco



Dr Afif (kiri) menunjukkan anak ayam pada lawatannya ke Ladang Tertutup Hwa Huat Livestock Industrial Sdn Bhd hari ini. **BERNAMA**

BUKIT MERTA JAM - Pengeluaran Nilai Hasil Ternakan (NHT) Pulau Pinang meningkat kepada RM1.1 bilion pada tahun lepas berbanding RM939.77 juta pada tahun 2018, menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan negeri, Dr Afif Bahardin.

Beliau berkata, komoditi terbesar yang menyumbang kepada pencapaian hasil itu ialah daging ayam, itik dan babi sebanyak RM918.94 juta atau 82.77 peratus daripada keseluruhan NHT pada 2019.

"Komoditi daging ayam dan itik memberi sumbangan tertinggi sebanyak RM650.71 juta iaitu 58.61 peratus kepada jumlah NHT keseluruhannya dan ia meningkat sebanyak RM163.74 juta pada tahun 2019 berbanding

2018.

"Jumlah pengeluaran NHT komoditi babi pada 2019 telah menurun sebanyak RM11.17 juta kepada RM268.23 juta lepas berbanding RM279.40 juta pada 2018.

"Peningkatan NHT Pulau Pinang juga telah disumbangkan melalui komoditi baharu daripada industri sarang burung walit (SBW) yang bernilai RM24.56 juta," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di sebuah ladang ayam komersial di Ara Kuda, di sini hari ini.

Menurutnya, permintaan serta ruang pasaran daging, susu dan telur yang luas menjadikan negeri itu berpotensi besar dalam industri pemprosesan makanan dan pembangunan pengurusan makanan halal.

Sementara itu, Dr Afif berkata, kerajaan Pulau Pinang dalam perancangan untuk melaksanakan Enakmen Penternakan Unggas di negeri itu dalam masa terdekat dan untuk permulaan, ia akan dibawa ke persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang tahun ini.

Katanya, menerusi enakmen itu, kerajaan negeri merancang untuk mewujudkan sistem perladangan tertutup bagi menternak ayam dalam usaha memastikan ia ditenak dalam keadaan bersih, baik, sihat serta tiada penularan wabak.

"Sebenarnya ada beberapa syarikat penternakan ayam telah mula menjalankan perladangan tertutup kerana mereka tahu ia lebih banyak manfaat berbanding ladang terbuka.

"Kami komited untuk laksanakan sistem tersebut macam mana kami telah buat untuk ladang-ladang ternakan babi," katanya. Katanya, Pulau Pinang belum lagi melaksanakan Enakmen Penternakan Unggas dan menyifatkan sudah sampai masanya negeri ini melaksanakannya dalam usaha memastikan sektor ternakan negeri terus berkembang seterusnya keselamatan makanan terjamin.



Some of the Portuguese man o' war jellyfish collected by Malaysian Civil Defence Force personnel at Pantai Kerabu in Marang yesterday. PIC COURTESY OF THE MALAYSIAN CIVIL DEFENCE FORCE

Pantai Kekabu still plagued by jellyfish

MARANG: The Malaysian Civil Defence Force (MCDF) District collected more than 30 Portuguese man o' war jellyfish on Pantai Kekabu, here yesterday.

Marang MCDF officer Captain Zabri Abd Razak said his team was conducting a routine check on the beach at 11.46am and were surprised to see the creatures washed up on the beach in large numbers.

"We thought they were no longer in the area, because there were none to be seen on the beach a few days ago.

"Thankfully, no casualties or injuries were reported as no one was in the water or at the beach at that time.

"There might be more of these poisonous jellyfish out in the ocean, which have not been pushed by the currents and

waves to the shores yet."

Following the discovery, he urged the public not to bathe or play at the beach until it was cleared, as the jellyfish could be deadly.

"Those who come across the jellyfish are advised to leave it alone."

Zabri said the department had already informed the Terengganu Fisheries Department of the discovery.

Harian Metro had reported the discovery of 11 jellyfish carcasses and another 10 which were still alive on the island by the MCDF during a Coastal Rescue Training session on Feb 11.

The carcasses were brought to Universiti Malaysia Terengganu's oceanographic centre for further investigation.